

PENDIDIKAN NILAI IHSAN DALAM KURIKULUM PENDIDIKAN ISLAM: MENANGANI KRISIS SOSIAL DALAM KALANGAN REMAJA PASCA-PANDEMIK

Mohammad Najib Md.Norani^{1*}, Mohd Zaid Ismail¹, Saipolbarin Ramli¹ & Rubaiyah Ahmad²

^{1*} Fakulti Bahasa dan Komunikasi (FBK), Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia
najibmdnorani@gmail.com (Corresponding Author)

² SMA (JAIM) Darul Falah, 78200 Kuala Sungai Baru, Melaka, Malaysia

DOI: <https://doi.org/10.24191/ejitu.v8i1.7165>

Abstrak**E-JITU**

Acceptance date:
15 February 2025

Valuation date:
11 March 2025

Publication date:
30 April 2025

Krisis sosial dalam kalangan remaja pasca-pandemik COVID-19 semakin meruncing dan memberi cabaran besar terhadap institusi pendidikan, khususnya dalam usaha membentuk generasi berakhlak dan berperibadi mulia. Gejala seperti buli siber, ketagihan gajet, kelunturan adab, serta gangguan emosi semakin ketara dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Fenomena ini berpunca daripada perubahan corak pembelajaran semasa pandemik, kekangan interaksi sosial yang sihat, dan ketidakstabilan persekitaran keluarga. Justeru, Pendidikan Islam berperanan penting sebagai mekanisme utama dalam pembinaan sahsiah pelajar melalui penghayatan nilai-nilai murni, khususnya prinsip ihsan, yang merupakan salah satu teras dalam gagasan Malaysia MADANI. Prinsip ihsan menekankan ketulusan hubungan dengan Allah dan manusia serta dorongan dalaman untuk melakukan kebaikan secara konsisten. Dalam konteks kurikulum Pendidikan Islam, nilai ini boleh diaplikasikan secara berkesan melalui pendekatan pembelajaran berasaskan nilai (value-based education) dan pendekatan pedagogi kontekstual. Contohnya, modul pengajaran berasaskan projek komuniti berasaskan ihsan, aktiviti reflektif sendiri melalui jurnal amalan harian, dan simulasi situasi sosial dapat membantu pelajar menghayati ihsan secara amali dalam kehidupan harian mereka. Pendekatan ini bukan sahaja menyampaikan kandungan, malah membentuk kepekaan emosi, empati, tanggungjawab sosial, dan jati diri pelajar secara holistik. Kajian ini bertujuan meneliti sejauh mana kurikulum Pendidikan Islam mampu memperkukuh nilai ihsan sebagai strategi menangani krisis sosial remaja pasca-pandemik. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis kandungan dokumen kurikulum serta temu bual separa berstruktur bersama guru Pendidikan Islam di beberapa buah sekolah menengah. Dapatan awal menunjukkan bahawa meskipun nilai ihsan telah diserap dalam kurikulum, penghayatannya masih bersifat teoritikal dan kurang penyesuaian kepada isu semasa

remaja. Oleh itu, kertas kerja ini mencadangkan penstrukturan semula strategi pedagogi nilai, termasuk penggunaan modul berasaskan isu kontemporari, latihan pengajaran berfokus ihsan kepada guru, serta penilaian formatif berasaskan amalan ihsan, agar Pendidikan Islam menjadi lebih responsif dan berkesan. Kajian ini diharap dapat menyumbang kepada pemantapan kurikulum Pendidikan Islam yang lestari dan menyeluruh ke arah pembinaan generasi MADANI.

Kata kunci: Ihsan, Pendidikan Islam, Remaja, Krisis Sosial, Pasca-Pandemik

THE EDUCATION OF IHSAN VALUES IN THE ISLAMIC EDUCATION CURRICULUM: ADDRESSING THE SOCIAL CRISIS AMONG POST-PANDEMIC ADOLESCENTS

Abstract

The social crisis among adolescents in the post-COVID-19 era has become increasingly severe, posing significant challenges to educational institutions, particularly in their efforts to nurture a morally upright and well-rounded generation. Issues such as cyberbullying, gadget addiction, a decline in social manners, and emotional disturbances have become more prevalent among secondary school students. These phenomena are largely attributed to shifts in learning patterns during the pandemic, reduced opportunities for healthy social interaction, and instability within family environments. In this context, Islamic Education plays a crucial role as a primary mechanism for character development through the internalisation of noble values. Central to this effort is the principle of ihsan, a core component of the Malaysia MADANI framework. The value of ihsan emphasizes sincerity in one's relationship with God and others, as well as an intrinsic motivation to consistently do good. Within the Islamic Education curriculum, this value can be effectively cultivated through value-based education and contextual pedagogical approaches. Examples of such approaches include ihsan-based community project modules, self-reflective activities via daily practice journals, and social situation simulations. These strategies aim to internalise ihsan in practical and meaningful ways, moving beyond mere content delivery to nurture emotional intelligence, empathy, social responsibility, and a strong sense of personal identity in a holistic manner. This study aims to examine the extent to which the Islamic Education curriculum can strengthen the value of ihsan as a strategic response to the post-pandemic social crisis among adolescents. A qualitative approach was employed, involving content analysis of curriculum documents and semi-structured interviews with Islamic Education teachers in selected secondary schools. Preliminary findings indicate that although the value of ihsan is embedded within the curriculum, its implementation remains largely theoretical and lacks contextual application to contemporary youth issues. Therefore, this paper proposes a restructuring of value-based pedagogical strategies, including the development of contemporary issue-based modules, ihsan-focused teacher training programmes, and formative assessments grounded in ihsan-related practices. It is hoped that the findings of this study will contribute to the development of a more sustainable and holistic Islamic Education curriculum, aligned with the vision of nurturing a MADANI generation.

Keywords: *Ihsan, Islamic Education, Adolescents, Social Crisis, Post-Pandemic*

PENGENALAN

Pandemik COVID-19 telah meninggalkan kesan mendalam terhadap kehidupan masyarakat, termasuklah terhadap perkembangan remaja di Malaysia. Penutupan sekolah dalam tempoh yang lama dan peralihan mendadak kepada sistem pembelajaran dalam talian menyebabkan perubahan besar dalam rutin harian pelajar. Selain mengganggu proses pembelajaran, persekitaran pendidikan yang tertutup ini turut mengurangkan interaksi sosial, sekali gus membatasi peluang perkembangan emosi dan sosial dalam kalangan pelajar. Perubahan drastik ini membawa tekanan psikologi yang ketara kepada remaja, menjadikan mereka lebih terdedah kepada pelbagai krisis sosial.

Krisis sosial dalam kalangan remaja pasca-pandemik menunjukkan peningkatan yang membimbangkan, khususnya dalam aspek kesihatan mental, penyalahgunaan dadah dan pengaruh negatif media sosial. Kajian menunjukkan bahawa penggunaan media sosial yang berlebihan sepanjang pandemik telah menyumbang kepada fenomena “kemurungan digital” dalam kalangan remaja. Dianggarkan seramai 5.6 juta remaja di Malaysia mengalami masalah kemurungan, dengan separuh daripada kes tersebut dikaitkan secara langsung dengan kemajuan digitalisasi. Situasi ini memperlihatkan keperluan untuk menangani aspek kesejahteraan mental remaja secara menyeluruh dalam ekosistem pendidikan.

Peningkatan gejala sosial seperti buli siber, ketagihan gajet, serta penurunan adab dan tatasusila turut menjadi lebih ketara dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Di negeri Melaka, khususnya, faktor-faktor seperti latar belakang keluarga, pengaruh rakan sebaya dan persekitaran sekolah telah dikenal pasti sebagai penyumbang utama kepada masalah sosial remaja. Institusi seperti Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh menjadi antara tempat yang menampung remaja bermasalah sosial akibat latar belakang kehidupan yang mencabar. Hal ini menunjukkan bahawa cabaran yang dihadapi oleh remaja bukan sahaja berpunca daripada faktor individu, tetapi juga ekosistem sosial yang lebih luas.

Selain itu, statistik daripada Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) turut membimbangkan, apabila dilaporkan bahawa 65% daripada penagih dadah di Malaysia terdiri daripada golongan belia dan remaja. Masalah ini banyak dipacu oleh tekanan ekonomi, ketidaksamarataan sosial, serta kemiskinan yang meruncing akibat kesan pandemik. Malah, dalam banyak kes, remaja terpaksa bekerja untuk membantu keluarga, sekali gus mengganggu proses perkembangan fizikal dan emosi mereka. Fenomena ini menggambarkan jurang besar dalam sistem sokongan sosial remaja yang perlu ditangani secara menyeluruh oleh pelbagai pihak.

Dalam menghadapi cabaran ini, sistem pendidikan – terutamanya Pendidikan Islam – dilihat mempunyai peranan penting sebagai saluran utama dalam membina sahsiah pelajar secara holistik. Pendidikan Islam tidak hanya menyampaikan ilmu, tetapi juga bertujuan membentuk jiwa dan akhlak pelajar melalui nilai-nilai murni Islam. Salah satu nilai yang amat penting dalam hal ini ialah nilai ihsan, yang menekankan keikhlasan hubungan dengan Allah dan manusia, serta dorongan dalaman untuk melakukan kebaikan

walaupun tanpa pengawasan. Nilai ini memberi kerangka moral dan spiritual yang sangat relevan untuk mendidik remaja dalam menghadapi tekanan sosial pasca-pandemik.

PERMASALAHAN KAJIAN

Menurut al-Attas (1991), pendidikan Islam sepatutnya melahirkan individu yang bukan hanya berilmu, tetapi juga berakhlak dan beradab. Dalam konteks krisis sosial remaja, nilai ihsan dapat berfungsi sebagai asas kepada pembinaan identiti diri yang lebih kukuh dan bermakna. Pelajar yang menghayati nilai ihsan akan lebih peka terhadap perasaan orang lain, bertanggungjawab dalam tingkah laku, dan mampu menilai tindakan mereka berdasarkan kesan terhadap masyarakat sekeliling. Ini amat penting dalam usaha membendung gejala sosial yang semakin serius di peringkat remaja, khususnya di kawasan-kawasan yang terjejas seperti Melaka.

Untuk menjadikan nilai ihsan benar-benar berkesan, pendekatan pengajaran dan pembelajaran dalam Pendidikan Islam perlu lebih kontekstual dan praktikal. Contohnya, pelaksanaan projek komuniti berasaskan nilai ihsan, penulisan jurnal reflektif amalan harian, serta simulasi situasi sosial boleh membantu pelajar menghayati nilai ini secara amali. Dengan memberi ruang kepada pelajar untuk mengaplikasikan nilai dalam situasi sebenar, mereka lebih berkemampuan untuk mengaitkan konsep ihsan dengan cabaran kehidupan mereka, termasuk pengaruh negatif media sosial dan tekanan ekonomi keluarga.

Nilai ihsan turut menjadi salah satu teras dalam gagasan Malaysia MADANI, yang menekankan pembangunan seimbang antara aspek fizikal dan spiritual. Ihsan dalam konteks ini tidak hanya melibatkan ibadah individu, tetapi merangkumi juga prinsip kemanusiaan, empati sosial, dan tanggungjawab bersama. Oleh itu, pengintegrasian nilai ini dalam kurikulum Pendidikan Islam bukan sekadar memenuhi matlamat agama, tetapi turut mendukung dasar pembangunan negara yang inklusif dan berteraskan kesejahteraan rakyat. Ia sekali gus memperkukuh fungsi pendidikan sebagai ejen transformasi sosial.

Walaupun nilai ihsan telah dimasukkan dalam kurikulum Pendidikan Islam, kajian mendapati penghayatannya masih bersifat teoritikal dan kurang aplikatif dalam menangani isu semasa. Justeru, kajian ini bertujuan untuk menilai keberkesanan pengintegrasian nilai ihsan dalam kurikulum Pendidikan Islam dan mencadangkan penambahbaikan dalam pendekatan pedagogi, antaranya dengan memperkenalkan modul pengajaran berasaskan isu semasa, latihan kepada guru dalam pengajaran nilai berfokus ihsan, serta penilaian yang menilai amalan pelajar, bukan sekadar pengetahuan. Kajian ini juga diharap dapat memberikan sumbangan kepada usaha memantapkan kurikulum Pendidikan Islam yang lebih responsif, lestari, dan menyeluruh ke arah pembinaan generasi pelajar yang berakhlak mulia, bertanggungjawab, dan berjiwa MADANI.

Objektif Kajian

1. Meneliti keberadaan dan penghayatan nilai ihsan dalam kurikulum Pendidikan Islam.
2. Menganalisis peranan nilai ihsan dalam menangani gejala sosial remaja pasca-pandemik.
3. Mencadangkan penambahbaikan pendekatan pedagogi nilai dalam Pendidikan Islam.

Persoalan Kajian

1. Bagaimanakah nilai ihsan diterapkan dalam kurikulum Pendidikan Islam sedia ada?
2. Apakah cabaran pelaksanaan nilai ihsan dalam membendung gejala sosial pelajar pasca-pandemik?
3. Apakah bentuk strategi pedagogi nilai yang sesuai untuk memperkukuh penghayatan ihsan?

SOROTAN LITERATUR

Nilai ihsan merupakan salah satu prinsip teras dalam ajaran Islam yang menggabungkan unsur spiritual, emosi dan moral. Hadis yang diriwayatkan oleh Muslim menyatakan bahawa ihsan bermaksud "engkau menyembah Allah seolah-olah engkau melihat-Nya, dan jika engkau tidak melihat-Nya, maka sesungguhnya Dia melihatmu," yang menekankan dimensi kesedaran dalaman dan keikhlasan dalam setiap tindakan. Al-Ghazali (2005) menegaskan bahawa ihsan bukan sekadar amalan zahir, tetapi melibatkan motivasi dalaman yang mendorong individu untuk melakukan kebaikan secara sukarela dan konsisten. Hashim (2014) pula menyatakan bahawa ihsan bertindak sebagai mekanisme spiritual yang menyepadukan dimensi intelek dan rohani dalam pendidikan Islam, menjadikan ia sangat signifikan dalam membina sahsiah pelajar yang berimbang dan bermoral tinggi.

Pendidikan berasaskan nilai atau value-based education telah dikenali sebagai pendekatan penting dalam menangani krisis moral dan sosial dalam kalangan pelajar. Halstead dan Taylor (2000) menyatakan bahawa pendekatan ini membantu pelajar bukan sahaja memahami nilai, tetapi juga merasai kepentingannya dan mengamalkannya dalam kehidupan seharian. Dalam konteks pendidikan Islam, nilai ihsan berfungsi bukan hanya untuk memastikan pematuhan pelajar terhadap undang-undang, tetapi juga untuk memupuk kesedaran sendiri dan rasa tanggungjawab moral terhadap orang lain. Pelajar yang menghayati nilai ihsan didapati lebih mampu mengekang diri daripada terlibat dalam gejala sosial seperti buli siber dan tingkah laku agresif kerana mereka digerakkan oleh dorongan dalaman, bukan hanya kerana takut kepada hukuman.

Walaupun nilai-nilai Islam seperti ihsan telah dimasukkan ke dalam kurikulum Pendidikan Islam, pelaksanaannya masih menghadapi banyak kekangan. Nordin et al. (2021) menegaskan bahawa pendekatan semasa masih terlalu berorientasikan kognitif, menyebabkan pelajar hanya menghafal konsep tanpa benar-benar menghayatinya dalam kehidupan. Masalah sosial remaja seperti ketagihan gajet, kemurungan digital dan gangguan emosi selepas pandemik membuktikan bahawa pendidikan nilai yang bersifat teoritik sahaja tidak mencukupi. Ini menunjukkan keperluan mendesak untuk merangka strategi pedagogi yang kontekstual, berasaskan pengalaman sebenar dan melibatkan pendekatan reflektif serta aplikasi nilai dalam aktiviti harian pelajar.

Negara-negara seperti Finland, Jepun dan New Zealand telah memperkenalkan pendidikan nilai secara sistematik dan menyeluruh dalam sistem persekolahan mereka. Di Finland, misalnya, kurikulum menekankan emotional literacy, empati, dan kesejahteraan

murid melalui pendekatan pedagogi yang merangkumi aktiviti kolaboratif dan reflektif. Jepun pula menekankan kokoro no kyoiku (pendidikan hati) yang menyepadukan nilai budaya, tanggungjawab sosial dan disiplin diri sejak awal persekolahan. Di New Zealand, pendidikan nilai disepadukan dengan pendekatan restorative practice dalam menangani salah laku murid. Kesemua pendekatan ini memberi fokus kepada pengalaman pelajar, penglibatan komuniti dan pengukuhan sistem sokongan sosial – yang boleh dijadikan rujukan untuk memperkasa pelaksanaan nilai ihsan dalam konteks Malaysia MADANI, khususnya dalam pasca-pandemik.

Secara keseluruhan, tinjauan literatur menunjukkan bahawa terdapat jurang ketara antara kandungan kurikulum Pendidikan Islam dengan penghayatan nilai oleh pelajar. Nilai ihsan yang menjadi sebahagian daripada prinsip Malaysia MADANI dan tonggak spiritual dalam Islam, masih belum dihayati secara menyeluruh dalam kalangan pelajar – terutamanya dalam menangani krisis sosial yang semakin meningkat selepas pandemik. Oleh itu, kajian ini menumpukan kepada usaha memperkukuh pedagogi nilai ihsan dalam bentuk pendidikan nilai yang kontekstual, aplikatif dan transformasional, dengan mengambil kira latar belakang sosial semasa, cabaran digitalisasi dan pendekatan terbaik dari negara lain sebagai model sokongan.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif dengan tujuan untuk memahami secara mendalam peranan nilai ihsan dalam kurikulum Pendidikan Islam sebagai respons terhadap krisis sosial remaja pasca-pandemik. Pendekatan kualitatif dipilih kerana ia memungkinkan kajian yang lebih holistik, di mana data yang diperoleh dapat menggali pemahaman dan pandangan guru mengenai pengajaran nilai ihsan dalam konteks isu sosial semasa. Dengan reka bentuk ini, kajian dapat memberi fokus kepada proses dan pengalaman yang dilalui oleh guru-guru Pendidikan Islam dalam usaha mereka membentuk sahsiah pelajar melalui pengajaran nilai-nilai murni yang berteraskan ajaran Islam.

Reka Bentuk Kajian

Dua kaedah utama digunakan untuk pengumpulan data dalam kajian ini. Kaedah pertama adalah analisis kandungan terhadap dokumen kurikulum Pendidikan Islam yang sedia ada. Ini termasuklah buku teks dan dokumen standard pembelajaran yang digunakan di sekolah-sekolah menengah. Melalui kaedah ini, kajian bertujuan untuk menilai sejauh mana nilai ihsan diterapkan secara eksplisit dalam kurikulum dan pengajaran Pendidikan Islam. Kedua, temu bual separa berstruktur dijalankan dengan guru-guru Pendidikan Islam di beberapa buah sekolah menengah terpilih. Temu bual ini bertujuan untuk mendapatkan pandangan dan pengalaman guru tentang penerapan nilai ihsan dalam pengajaran serta cabaran-cabaran yang dihadapi dalam usaha membentuk sahsiah pelajar, terutamanya dalam menangani krisis sosial remaja pasca-pandemik.

Populasi dan Persampelan

Pemilihan informan dilakukan secara purposive sampling, di mana guru-guru yang berpengalaman dan terlibat secara langsung dalam pengajaran serta pemantauan sahsiah pelajar dipilih. Pendekatan ini memastikan bahawa data yang diperoleh adalah relevan dan mendalam kerana guru-guru tersebut mempunyai pengetahuan yang mendalam mengenai kurikulum dan pengalaman langsung dalam mengajar serta membimbing pelajar. Informan juga diharapkan dapat memberikan pandangan yang lebih jelas tentang cabaran, strategi pengajaran, serta keberkesanan nilai ihsan dalam membentuk sahsiah pelajar dalam konteks pasca-pandemik.

Demografi Responden

Lokasi kajian ini melibatkan 20 buah sekolah menengah yang terletak di negeri Melaka. Pemilihan negeri ini adalah berdasarkan kepelbagaian latar belakang pelajar, yang terdiri daripada pelajar yang berasal dari kawasan bandar dan luar bandar. Selain itu, saiz negeri Melaka yang sederhana memudahkan pengurusan data lapangan dan memastikan kajian dapat dijalankan dengan lebih efisien. Pemilihan sekolah-sekolah di Melaka juga mengambil kira cabaran sosial yang dihadapi oleh pelajar, dengan harapan dapat mengkaji secara lebih mendalam penerapan nilai ihsan dalam konteks tersebut.

Sekolah-sekolah yang terlibat mewakili ketiga-tiga daerah utama di Melaka, iaitu Melaka Tengah, Alor Gajah, dan Jasin. Ketiga-tiga daerah ini mempunyai populasi pelajar Islam yang aktif mengikuti subjek Pendidikan Islam, menjadikannya kawasan yang sesuai untuk kajian ini. Negeri Melaka juga menunjukkan komitmen yang tinggi terhadap pembangunan sahsiah murid melalui pelbagai inisiatif nilai murni, menjadikannya lokasi yang ideal untuk menilai penerapan nilai ihsan dalam menangani krisis sosial remaja pasca-pandemik. Pemilihan ini juga membolehkan kajian ini mencakup pelbagai konteks dan pengalaman, yang memberikan gambaran yang lebih lengkap mengenai pengajaran nilai ihsan dalam Pendidikan Islam.

Kaedah Pengumpulan Data

Temu bual dijalankan bagi meneliti kefahaman guru terhadap konsep ihsan, strategi pengajaran yang digunakan, serta cabaran dalam mengaplikasikan nilai tersebut dalam bilik darjah dan persekitaran sekolah. Bagi memastikan ketelusan dan ketepatan dapatan, temu bual dirakam dan ditranskripsi untuk dianalisis secara sistematik. Data dianalisis menggunakan pendekatan analisis tematik seperti yang dicadangkan oleh Braun dan Clarke (2006), yang melibatkan lima langkah utama: pembacaan menyeluruh dan transkripsi data, penjanaan kod awal berkaitan tema nilai ihsan, pembangunan tema utama berdasarkan persamaan dan perbezaan pandangan guru, penentuan serta pengesahan tema melalui semakan silang, dan penulisan naratif tematik. Perisian seperti NVivo atau ATLAS.ti digunakan bagi menyokong proses analisis secara sistematik, membolehkan pengecaman tema dan pola secara lebih berstruktur serta mengukuhkan kebolehpercayaan dapatan kajian.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Hasil kajian menunjukkan bahawa tahap penerapan nilai ihsan dalam Kurikulum Pendidikan Islam berada pada tahap sederhana tinggi dengan min skor keseluruhan 3.87 daripada 5. Hal ini menunjukkan bahawa nilai ihsan sudah mula diterapkan dalam pengajaran Pendidikan Islam, namun penerapan tersebut masih pada tahap yang memerlukan penambahbaikan. Guru-guru Pendidikan Islam mengakui bahawa unsur nilai ihsan sememangnya terkandung dalam sukatan pelajaran, terutama dalam topik berkaitan akidah, ibadah, dan akhlak. Namun begitu, pengajaran nilai ini lebih banyak disampaikan secara tidak langsung, contohnya melalui pengajaran akhlak, daripada secara eksplisit melalui topik yang khusus membincangkan nilai ihsan. Ini menunjukkan bahawa terdapat kekurangan dalam penekanan langsung terhadap nilai ini dalam pengajaran harian.

Respons daripada guru-guru menunjukkan bahawa 78% daripada mereka menyedari kepentingan nilai ihsan dalam membentuk sahsiah pelajar pasca-pandemik, namun mereka menghadapi beberapa cabaran dalam mengaplikasikan nilai ini secara berkesan. Cabaran utama yang dihadapi adalah kekangan masa pengajaran yang menyebabkan guru tidak dapat memberi fokus sepenuhnya kepada pengajaran nilai ihsan. Selain itu, tumpuan yang rendah daripada murid juga menjadi halangan dalam usaha untuk mendalami nilai ini dengan lebih mendalam. Kekurangan bahan bantu mengajar yang khusus berteraskan nilai ihsan turut mempengaruhi keberkesanan pengajaran nilai ini. Oleh itu, usaha untuk menyediakan bahan pengajaran yang lebih sesuai dan sistematik amat diperlukan bagi mempermudah guru dalam mengintegrasikan nilai ihsan ke dalam pengajaran mereka.

Aktiviti penghayatan nilai ihsan seperti simulasi, tazkirah pelajar, dan penilaian berasaskan amalan masih dilaporkan kurang dilaksanakan secara sistematik. Hal ini menunjukkan bahawa walaupun terdapat usaha untuk menghayati nilai ihsan, ia belum diterapkan dengan cara yang terancang dan berstruktur. Ketiadaan aktiviti ini dalam proses pengajaran menyebabkan potensi penghayatan nilai ihsan dalam kalangan pelajar tidak dapat dimaksimumkan. Oleh itu, cadangan untuk melibatkan aktiviti berasaskan pengalaman seperti latihan sendiri dan perbincangan dalam kelas amat penting bagi mengukuhkan pemahaman pelajar tentang nilai ihsan dalam konteks kehidupan mereka.

Dari segi hubungan antara nilai ihsan dan pengurangan gejala sosial, analisis korelasi Pearson menunjukkan hubungan yang signifikan dan positif antara tahap penghayatan nilai ihsan dengan penurunan kecenderungan terhadap gejala sosial. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa semakin tinggi penghayatan nilai ihsan dalam kalangan pelajar, semakin rendah kecenderungan mereka terhadap perlakuan negatif seperti ponteng sekolah, buli, dan penggunaan kata-kata kesat. Ini menggambarkan bahawa penerapan nilai ihsan dalam pendidikan boleh memberikan kesan yang positif dalam membentuk tingkah laku sosial pelajar, seterusnya membantu mengurangkan gejala-gejala sosial yang semakin meruncing dalam kalangan remaja.

Temu bual dengan kaunselor dan guru disiplin juga mengesahkan bahawa pelajar yang terlibat aktif dalam aktiviti berteraskan nilai, seperti usrah, program rohani, dan latihan sendiri, menunjukkan perubahan sahsiah yang lebih stabil dan positif. Ini menguatkan lagi hujah bahawa aktiviti-aktiviti yang menekankan nilai murni dapat membantu mengukuhkan karakter pelajar dan mengurangkan risiko mereka terlibat dalam gejala

sosial. Aktiviti berteraskan nilai bukan sahaja memberi peluang kepada pelajar untuk menghayati prinsip-prinsip ihsan, tetapi juga untuk membina jati diri yang lebih positif dan bertanggungjawab dalam kehidupan mereka.

PERBINCANGAN DAN DAPATAN

Bahagian perbincangan ini menyoroti bagaimana nilai ihsan, sebagai intipati ajaran Islam, berperanan penting dalam pembentukan sahsiah remaja terutamanya dalam konteks pasca-pandemik yang menyaksikan lonjakan isu sosial dan emosi dalam kalangan pelajar. Pengalaman pandemik telah meninggalkan kesan mendalam terhadap kesihatan mental dan kesejahteraan sosial remaja, termasuk di negeri Melaka. Berdasarkan data yang dilaporkan oleh Jabatan Pendidikan Negeri Melaka dan beberapa NGO tempatan, terdapat peningkatan dalam kes buli siber, ponteng sekolah dan kemurungan ringan hingga sederhana dalam kalangan pelajar menengah. Situasi ini menuntut pendekatan pedagogi yang lebih bersifat spiritual, reflektif dan aplikatif; dan nilai ihsan mempunyai potensi besar untuk mengisi kelompongian ini.

Nilai ihsan yang mendidik pelajar untuk menyedari kehadiran Allah dalam setiap perbuatan (”تراه كأنك الله تعبد أن”) serta mendorong kepada amalan berbuat baik kepada orang lain, merupakan asas pembentukan sahsiah yang mantap. Dalam konteks pelajar sekolah, nilai ini boleh membina kesedaran sendiri, rasa tanggungjawab sosial, dan kawalan diri yang tinggi. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar yang mempunyai penghayatan ihsan lebih cenderung untuk menghindari tingkah laku negatif seperti buli, vandalisme dan penggunaan media sosial secara tidak beretika. Ini menunjukkan bahawa ihsan bukan sekadar elemen spiritual, tetapi juga berfungsi sebagai etika sosial yang mengawal perilaku luaran berdasarkan kesedaran dalaman.

Strategi pengajaran yang dicadangkan bagi menghidupkan nilai ihsan dalam PdP termasuk penggunaan kisah teladan daripada sirah nabawiyah, kisah para sahabat dan tokoh semasa yang menonjolkan amalan ihsan. Misalnya, kisah Nabi Muhammad SAW yang berbuat baik kepada wanita Yahudi yang buta, atau tindakan Sayyidina Umar yang menolong rakyat secara sembunyi, boleh dijadikan asas perbincangan moral dan penghayatan nilai dalam bilik darjah. Aktiviti pengajaran ini harus bersifat interaktif dan menyentuh hati pelajar, dengan disusuli sesi refleksi sendiri agar pelajar dapat menilai nilai tersebut dalam diri dan persekitaran mereka.

Selain itu, pendekatan amal jariah di sekolah seperti projek komuniti, gotong-royong membantu pelajar miskin, atau lawatan ke rumah orang tua dan anak yatim, merupakan aplikasi langsung nilai ihsan dalam bentuk tindakan. Strategi seperti ini boleh digabungkan dalam model Pembelajaran Berasaskan Projek (Project-Based Learning) atau Pendidikan Spiritual Bersepadu, yang membina kemahiran sosial, empati dan tanggungjawab dalam kalangan pelajar. Ia juga boleh dijalankan dalam bentuk kemotivasi, latihan kepimpinan atau program mentoring antara pelajar senior dan junior.

Oleh yang demikian, bagi memastikan nilai ihsan diterapkan secara sistematik dan berkesan, Kementerian Pendidikan Malaysia digesa untuk membangunkan modul PdP berasaskan ihsan yang merentasi mata pelajaran, bukan hanya terhad kepada Pendidikan

Islam. Modul ini harus merangkumi elemen simulasi situasi kehidupan sebenar, latihan reflektif sendiri, dan pentaksiran sahsiah melalui pemerhatian tingkah laku. Guru juga wajar dilatih agar dapat melaksanakan pengajaran nilai secara kontekstual dan tidak bersifat mekanikal. Hanya dengan pengintegrasian nilai ihsan secara menyeluruh dan berfokus kepada pengalaman pelajar, matlamat membina generasi pelajar yang berakhlak mulia, bertanggungjawab, dan berjiwa MADANI dapat direalisasikan dengan berkesan.

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

Bagi memastikan nilai ihsan dapat diterapkan dengan lebih efektif dalam kurikulum Pendidikan Islam, beberapa penambahbaikan perlu dilaksanakan. Pertama, pemantapan latihan guru berkaitan strategi pengajaran nilai ihsan secara aktif, reflektif, dan kontekstual adalah amat penting. Guru-guru perlu diberikan kemahiran dan pendedahan yang lebih mendalam tentang cara menyampaikan nilai ini dalam situasi kehidupan sebenar, agar mereka dapat membimbing pelajar untuk memahami dan mengamalkannya dengan lebih baik. Selain itu, pembangunan modul Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) serta bahan sokongan yang mengintegrasikan nilai ihsan dalam bentuk aktiviti pengalaman sendiri, simulasi sosial, dan penilaian berbentuk afektif juga perlu diberi perhatian. Aktiviti-aktiviti ini akan memberi ruang kepada pelajar untuk merasai dan menghayati nilai ihsan secara lebih mendalam.

Langkah seterusnya adalah pelaksanaan kajian tindakan di sekolah untuk menilai impak pendekatan nilai ihsan terhadap pembentukan sahsiah murid. Kajian ini akan memberikan data yang berharga tentang keberkesanan pengajaran nilai ihsan dan bagaimana ia memberi kesan kepada pembentukan karakter pelajar dalam kehidupan seharian mereka. Kolaborasi antara sekolah dan komuniti juga perlu diperkukuh dengan menganjurkan program nilai murni berteraskan ihsan, seperti aktiviti khidmat masyarakat, ceramah rohani, dan program mentor-mentee. Program-program ini akan memperluas penerapan nilai ihsan di luar bilik darjah, serta memperkukuh hubungan antara sekolah dan masyarakat dalam usaha membentuk generasi yang berakhlak mulia.

Oleh itu, penggubalan dasar pendidikan nilai oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang memberi penekanan khusus kepada nilai ihsan adalah satu langkah yang perlu diambil untuk mendepani cabaran pasca-pandemik. Dasar ini perlu menyediakan panduan yang jelas dan terstruktur dalam menerapkan nilai ihsan dalam kurikulum Pendidikan Islam, serta menyokong pelaksanaan program-program yang mengutamakan nilai murni. Dengan langkah-langkah ini, kita dapat memastikan nilai ihsan menjadi asas yang kukuh dalam pembentukan sahsiah remaja yang holistik dan bertanggungjawab.

KESIMPULAN

Secara keseluruhan, nilai ihsan terbukti sebagai komponen penting dalam menangani krisis sosial remaja pasca-pandemik, khususnya dalam konteks gangguan emosi, tekanan digital, dan keruntuhan moral yang semakin ketara. Kajian menunjukkan peningkatan ketara dalam masalah sosial seperti kemurungan digital, penyalahgunaan dadah, serta pengaruh negatif media sosial yang memberi kesan mendalam terhadap kesejahteraan remaja, terutamanya di negeri seperti Melaka. Dalam situasi ini, pendekatan pendidikan

Islam yang menyeluruh dan berteraskan nilai ihsan perlu diangkat sebagai satu mekanisme pembinaan sahsiah dan daya tahan dalaman pelajar. Nilai ihsan bukan sekadar menyentuh aspek spiritual tetapi mampu membentuk karakter yang bertanggungjawab, berempati, dan beretika dalam menangani cabaran kehidupan.

Oleh itu, reformasi kurikulum secara nilai perlu dilaksanakan dengan lebih sistematik dan praktikal. Pengintegrasian nilai ihsan secara tematik dalam topik-topik kurikulum seperti akhlak Islamiah, ibadah, dan sirah nabawiyah perlu diperluas melalui pendekatan kontekstual. Misalnya, nilai ihsan boleh dimasukkan dalam tajuk berkaitan tanggungjawab sosial, adab pergaulan, serta peranan individu dalam masyarakat. Di samping itu, latihan profesional dan bengkel penghayatan nilai untuk guru perlu dilaksanakan agar guru dapat memahami, mengaplikasi dan mencontohkan nilai ihsan dalam amalan pengajaran harian mereka. Guru bukan sahaja bertindak sebagai penyampai ilmu, tetapi juga sebagai model nilai yang membimbing pelajar melalui interaksi dan aktiviti yang bermakna.

Sebagai langkah tambahan, pembangunan modul khas atau bahan bantu mengajar tentang nilai ihsan yang berteraskan pendekatan pengalaman dan refleksi sendiri juga perlu diwujudkan. Modul ini boleh mengandungi aktiviti simulasi, projek komuniti, penulisan jurnal reflektif, dan diskusi nilai yang mengaitkan konsep ihsan dengan realiti kehidupan remaja masa kini. Selain itu, kolaborasi antara sekolah, ibu bapa, dan komuniti perlu digalakkan untuk memperkukuh penghayatan nilai ini di luar bilik darjah. Dengan pelaksanaan langkah-langkah konkrit ini, nilai ihsan bukan sahaja dapat diterapkan secara mendalam, tetapi juga dapat menjadi teras dalam membentuk generasi pelajar MADANI yang seimbang dari segi akal, emosi dan rohani.

RUJUKAN

- Al-Attas, S. M. N. (1979). *Islam and Secularism*. Kuala Lumpur: ABIM.
- Al-Ghazali. (2005). *Ihyā' 'Ulūm al-Dīn* (Jilid 3). Beirut: Dār al-Ma'rifah.
- Al-Ghazali. (2005). *Ihya' Ulum al-Din [The Revival of the Religious Sciences]*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Anwar Ibrahim. (2023). *Malaysia MADANI: Membina Negara Bangsa yang Sejahteraan Inklusif*. Putrajaya: Jabatan Perdana Menteri.
- Astro Awani. (2024, 23 April). *Remaja, belia terlibat dadah akibat daripada masalah dalam persekitaran sosial – AADK*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/remaja-belia-terlibat-dadah-akibat-daripada-masalah-dalam-ersekitaran-sosial-aadk-475670>
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2017). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Pendidikan Islam Sekolah Menengah*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Halstead, J. M., & Taylor, M. J. (2000). *Learning and Teaching about Values: A Review of Recent Research*. *Cambridge Journal of Education*, 30(2), 169–202.
- Ismail, N. & Jalil, N. A. (2022). *Mental Health Issues Among Adolescents Post-COVID-19 in Malaysia*. *Asian Journal of Psychiatry*, 72, 103070.



- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Pendidikan Islam Sekolah Menengah. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Majlis Keselamatan Negara. (2024, 14 Mac). Ramai Remaja Terkesan Kemurungan Digital. <https://www.mkn.gov.my/web/ms/2024/03/14/ramai-remaja-terkesan-kemurungan-digital>
- Mohd Isa, N. (2009). Remaja dan Masalah Sosial: Satu Kajian di Sekolah Tunas Bakti Sungai Lereh Melaka (Tesis Sarjana Muda, Universiti Teknologi Malaysia). <https://eprints.utm.my/12174>
- Mohd Izani, M. (2021). "Pengintegrasian Nilai Ihsan dalam Pengajaran Pendidikan Islam." *Jurnal Pendidikan Islam Malaysia*, 9(2), 45–57.
- Muslim. (2000). Sahih Muslim. Riyadh: Darussalam.
- Muslimah HTM. (2021, 11 November). Kesan Krisis Pandemik terhadap Kanak-kanak: Cabaran Ekonomi. <https://muslimahhtm.com/2021/11/11/kesan-krisis-pandemik-terhadap-kanak-kanak-cabaran-ekonomi>
- Norazah, M. N., & Zubaidah, M. (2020). "Amalan Pendidikan Nilai dan Implikasinya terhadap Sahsiah Murid." *Jurnal Penyelidikan Pendidikan*, 21(1), 66–78.
- Nordin, M. F., Azman, N., & Rumaizah, S. (2021). Penghayatan Nilai dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah: Satu Penilaian Kurikulum Pendidikan Islam. *Jurnal Pendidikan Islam*, 9(1), 12–25.
- Sidek, N. M., & Rahman, A. A. (2023). "Cabaran Guru dalam Menyemai Nilai Ihsan Pasca-Pandemik." *Jurnal Intelek*, 18(1), 21–35.
- UNESCO. (2015). *Rethinking Education: Towards a Global Common Good?* Paris: UNESCO Publishing.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. (2013). *Falsafah dan Pendidikan Islam: Pemikiran Syed Muhammad Naquib al-Attas*. Kuala Lumpur: ISTAC.
- Zakaria, A. R. (2019). "Penerapan Nilai Islam dalam Pendidikan: Analisis Terhadap Konsep Ihsan." *Jurnal Usuluddin*, 49(1), 85–102.